



SPM 2020

22 Sekolah YIK Capai 100%

Kompleks Pentadbiran YIK, Tunjong : 10 Jun - 22 buah sekolah Yayasan Islam Kelantan telah mencapai keputusan 100% kelulusan pelajar dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang diumumkan pada 10 Jun 2021 yang lalu. Pencapaian ini merupakan antara yang terbaik pernah dicapai oleh YIK berbanding sebelum ini sehingga pencapaian pelajar yang layak mendapat sijil juga meningkat kepada 94.56%.

Pada tahun 2020, seramai 5,365 pelajar Yayasan Islam Kelantan telah menduduki peperiksaan berkenaan dengan 130 orang mendapat pencapaian cemerlang 9-12A, manakala 49 orang daripada mereka mendapat kesemua 'A' dalam mata pelajaran yang diambil.

Berdasarkan pencapaian Gred Purata Sekolah (GPS) bagi Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2020 untuk kategori Maahad Kawalan, Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah mendahului Maahad lain dengan pencapaian (GPS: 2.28) diikuti dengan Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat, Pulau Chondong, (GPS: 2.91) dan Maahad Muhammadi (Perempuan) (GPS: 2.94).

Manakala kategori Maahad Pilihan, Maahad Muhammadi Pasir Pekan, (GPS:3.95), bagi kategori Maahad Kerajaan, Maahad Syamsul Maarif (Perempuan) dengan pencapaian (GPS: 4.51), SMU (A) Bantuan, SMU (A) Tarbiah Diniah, Tok Uban, (GPS: 5.20). Dalam kategori SABK, SMU (A) Tarbiah Islamiah, Kuala Kajang telah mendahului dengan pencapaian (GPS: 3.74).

Pengarah Yayasan Islam Kelantan, YM Hj. Engku Rajhan bin Engku Ismail merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada semua pengetua, guru, dan pelajar yang telah menunjukkan komitmen tinggi melaksanakan pengajaran dan pembelajaran lebih-lebih lagi dalam suasana pandemik COVID-19 yang baharu ini. Kejayaan bersama yang telah mengharumkan nama YIK dan Kerajaan Negeri ini akan memberikan lebih semangat untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan yang lebih gemilang pada masa akan datang, ujananya.



5 PELAJAR YAYASAN ISLAM KELANTAN 10 MUMTAZ PEPERIKSAAN STAM 2020

Kompleks Pentadbiran YIK, Tunjong : 10 Jun - 5 pelajar Yayasan Islam Kelantan menunjukkan pencapaian cemerlang dalam peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) yang diumumkan pada 16 Jun 2021 baru-baru ini.

Pelajar cemerlang ini adalah Muhammad Haiqal Hakimi bin Malek dan Muhammad Nasron dari Kolej Tahfiz Sains Nurul Aman Kok Lanas, Muhammad Amnan Hazimi bin Che Mat dari Maahad Muhammadi (Lelaki) Kota Bharu, Juwairiyah Sofeah binti Mohd Saa'ufi dari Maahad Muhammadi Pasir Pekan dan Siti Nor Aisyah binti Zainudin dari Maahad Saniah Pasir Puteh.

STAM tahun 2020 telah diduduki oleh 1,582 pelajar melibatkan 25 pusat peperiksaan. Daripada jumlah berkenaan, seramai 868 pelajar mencapai pangkat Maqbul (Lulus) untuk 10 mata pelajaran. Manakala 63 pelajar mencapai pangkat Jayyid Jiddan (Amat Baik) dan seramai 489 pelajar memperolehi pangkat Jayyid (Baik).

Sekolah yang mencapai Gred Purata Sekolah (GPS) tertinggi ialah Kolej Tahfiz Sains Nurul Aman Kok Lanas, memperolehi (GPS : 2.14), diikuti Maahad Muhammadi (Perempuan), memperolehi (GPS : 2.43) dan Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat, memperolehi (GPS : 2.52).

YM Pengarah YIK dalam satu kenyataannya berharap agar semua pihak yang terlibat sama ada para guru, ibu bapa dan pelajar dapat meneruskan kecemerlangan pada masa-masa akan datang. Beliau juga mengucapkan sekalung tahniah kepada semua pelajar cemerlang dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung dan tidak langsung atas pencapaian ini. Beliau turut merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Kelantan dan JAKIM atas usaha yang berterusan membangun dan memajukan sistem pendidikan agama dan bahasa Arab di negeri ini.

بسم الله الرحمن الرحيم، الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام
على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين،
وبعد،

Firman Allah yang bermaksud: "Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah beserta orang-orang yang berusaha membaiki amalannya." (Al-Ankabut:69)

Alhamdulillah, kesyukuran yang tidak terhingga kepada Allah yang telah memberikan kesempatan kepada kita untuk bertemu dalam siaran kedua di penghujung tahun 2021 ini.

Sesungguhnya dunia pendidikan pada hari ini berdepan dengan situasi baharu yang belum pernah dilalui dengan penularan pandemik COVID-19. Bahang kesan daripada penyakit berjangkit yang bahaya ini turut dirasai oleh sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan. Norma baharu pendidikan ini menuntut perubahan minda dan arah pemikiran selaras dengan perkembangan semasa bagi menjamin kelangsungan sistem pendidikan serta dapat menyampaikan pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar-pelajar secara konsisten. Usaha-usaha memperkasakan kemahiran guru telah dilaksanakan melalui penganjuran kursus dan bimbingan secara maya kepada semua guru YIK, khusus untuk memberi pendedahan kepada mereka mengenai aplikasi-aplikasi baharu dan saluran-saluran pengajaran yang boleh dimanfaatkan dalam proses PdP.

Perubahan kaedah pengajaran secara maya ini juga menuntut pengorbanan yang besar para guru yang berhadapan berbagai halangan termasuk kekurangan gajet dan peralatan, liputan rangkaian internet dan penyertaan pelajar dalam sesi-sesi pengajian yang diadakan. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pentadbir sekolah dan guru-guru yang telah mengambil inisiatif luar biasa untuk memastikan pelajar-pelajar mendapat akses pendidikan yang sewajarnya dan sebahagian daripada mereka mengeluarkan perbelanjaan sendiri untuk menjamin keberkesanan pengajaran.

Dalam pada itu, saya sentiasa memberikan perhatian kepada keperluan sekolah, kebajikan guru dan permasalahan pelajar dari masa ke masa. Antaranya ialah langkah membekalkan peralatan ICT kepada semua sekolah untuk melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian yang telah dilaksanakan pada awal tahun ini, begitu juga dengan penambahbaikan kebajikan guru, di mana Yayasan Islam Kelantan telah melaksanakan proses ke arah menjadikan 2 skim perkhidmatan iaitu, Guru Tetap dan Guru Sandaran, langkah menukar lantik Guru Berelaun kepada Guru Sandaran telah dilaksanakan sejak tahun 2020 dan sehingga September 2021 seramai 665 orang telah ditukar lantik kepada Guru Sandaran. Begitu juga dengan kenaikan pangkat secara *Time-based*, sehingga Oktober 2021 ini, seramai 416 pegawai



telah menerima *Time-based* masing-masing dari Gred DG32 hingga DG54. Dengan perubahan ini, saya mengharapkan agar kualiti pengajaran dan pengajaran dapat dipertingkatkan dengan lebih baik dan berkesan.

Matlamat untuk melahirkan generasi berteraskan Dasar Pendidikan Rabbani perlu diperhebatkan. Usaha-usaha membangunkan pelajar dan sekolah cemerlang perlu digandakan sebagai bukti komitmen berterusan para guru di sekolah-sekolah kepada Yayasan Islam Kelantan dan Kerajaan Negeri.

Selain itu, perhatian turut diberi kepada pelajar-pelajar kurang berkemampuan di sekolah-sekolah dengan penyampaian sumbangan zakat kepada pelajar asnaf. Ini adalah sebahagian daripada usaha membantu golongan kurang berkemampuan untuk meringankan beban kewangan mereka.

Dalam pengurusan pentadbiran, pendekatan yang lebih agresif akan diambil untuk memantapkan pelaksanaan setiap bahagian dan unit, untuk itu bengkel penyediaan SOP dan pengemaskinian myPortfolio akan diadakan bagi menyemak, menyelaras dan membuat pindaan kepada peraturan-peraturan sedia ada sesuai dengan tuntutan dan keperluan semasa. Peraturan yang standard ini amat membantu dalam menyelesaikan isu-isu berbangkit dan menjadi rujukan kepada sebarang kekeliruan yang timbul. Justeru, ia dapat melicinkan pentadbiran dan menjadi panduan untuk semua pegawai dan kakitangan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Menjadi harapan saya untuk melihat Yayasan Islam Kelantan terus melakar kegemilangan dan menjadi tumpuan masyarakat bukan sahaja di negeri Kelantan malah di seluruh negara dalam memelopori bidang pendidikan berteraskan tuntutan Islam. Di sinilah komitmen sebenar para guru hingga mampu menaikkan nama dan imej YIK yang akan menjadi sebuah institusi pendidikan Islam yang cemerlang dan diredai Allah SWT.

DARI MEJA PENGARANG

Alhamdulillah, kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan nikmat dan rahmat kepada seluruh hamba-Nya, Selawat dan salam ke atas junjungan besar baginda SAW yang membawa sinar kebenaran bagi seluruh umat.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ribuan terima kasih kepada Jawatankuasa Penerbitan Suara YIK yang telah memberikan kerjasama menyumbangkan fikiran, buah fikiran dan artikel yang bermanfaat untuk menjadi tatapan pembaca.

Yayasan Islam Kelantan terus mengorak langkah mendepani cabaran pandemik COVID-19 melalui berbagai program yang memberi tambah nilai kepada inovasi guru. Dalam era endemik yang mungkin tidak berapa lama lagi akan diumumkan, dunia pendidikan khususnya YIK, perlu bersedia untuk menangani bebanan yang bakal dipikul oleh warga pendidik bagi mengisi kelompangan anak-anak pelajar yang tidak mengikuti pengajian sepenuhnya sebelum ini.

Persediaan ini perlu menjadi keutamaan semua warga pendidik untuk menjamin setiap pelajar Yayasan Islam Kelantan mempunyai peluang yang sama dalam pengajaran dan pembelajaran dan mampu bersaing dengan rakan-rakan dari institusi pengajian yang lain.

Pelajar-pelajar juga perlu mengintai semua saluran pendidikan yang boleh menambah pengetahuan terutamanya medium-medium pendidikan dan tuisyen secara maya yang semakin berkembang pada masa ini untuk menimba pengetahuan menggantikan kelas secara bersemuka.

Sekian - Ketua Editor.

PENAUANG

YM Hj. Engku Rajhan bin Engku Ismail

PENASIHAT

Tn. Hj. Shamsul bin Abu Bakar
Tn. Hj. Che Kamarudin Kamel bin Che Muhammad
Tn. Hj. Mohd Zaki bin Deraman

KETUA EDITOR

Tn. Hj. Sukeri bin Hussin

EDITOR

Dr. Hjh. Nasuha binti Musa
En. Ahmad Norisham bin Ab Halim
Pn. Hjh. Nafizah binti Abdullah

SUSUN ATUR / GRAFIK

En. Nik Ramzi Al-Samadi bin Abd Samad

PERCETAKAN

Azkie Printing & Advertising

Suara YIK diterbitkan oleh Yayasan Islam Kelantan setiap enam bulan sekali. Ia diedar secara percuma kepada sekolah-sekolah agama di bawah YIK dan jabatan berkaitan yang berurusan dengan YIK. Mana-mana pihak yang ingin mendapat maklumat lanjut atau memberi buah fikiran atau sumbangan berupa rencana bolehlah menghubungi:

Suara YIK

Kompleks Pentadbiran Yayasan Islam Kelantan
Peti Surat 248 Jalan Tunjong-Pasir Mas, Kota Bharu, Kelantan
Tel: 09-712 6933/09-712 8144 Faks: 712 7806
E-mel: yik@kelantan.gov.my

بسم الله الرحمن الرحيم، الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام
على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين،
وبعد،

Alhamdulillah, segala puji dan syukur yang selayaknya bagi Allah SWT Tuhan sekalian alam, Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat-Nya. Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya dan belas Rahmat-Nya buletin Suara YIK sekali lagi hadir menceriakan para pembacanya.

Menurut Wan Ya Shin 2020, terdapat 1.5 billion orang pelajar daripada 165 buah negara yang tidak dapat meneruskan persekolahan ekoran COVID-19 yang telah diumumkan oleh UNESCO. Semenjak 26 Mac 2020 dan hingga hampir tahun 2021, kita semua menempuh krisis penularan COVID-19 dengan pelbagai cabaran, namun saya yakin cabaran ini tidak akan menjadi penghalang kepada semua warga Yayasan Islam Kelantan (YIK) untuk menggapai kejayaan dan kecemerlangan. Dalam masa yang sama, kita juga perlu mengimbangi segala hasrat ini dengan memastikan sekolah kekal menjadi institusi yang selamat untuk semua guru dan pelajar. Cabaran perubahan dan krisis disebabkan COVID-19 adalah ujian keimanan buat kita semua. Cabaran ini seharusnya menjadi titik permulaan untuk kita semua mengubah cara berfikir serta tindakan kepada pemikiran yang lebih kreatif dan inovatif dalam segala perancangan dan pelaksanaan.

Kita juga perlu menghayati tarbiah Allah kepada kita semua yang sarat dengan pelbagai hikmah dan nasihat. Kerjasama daripada semua pihak dalam menangani dan mengekang wabak ini amat diharapkan untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Teori pembelajaran dan kaedah pengajaran sistem pendidikan abad ke-21 yang sedia ada diuji tahap keberkesanan yang memerlukan anjakan dalam pedagogi dan kaedah penyampaian PdP. Saya yakin dan percaya semua warga Yayasan Islam Kelantan dengan penuh daya juang dan mujahadah dapat menghadapi ujian ini dengan tabah demi melihat anak didik generasi Rabbani direalisasikan.

Di kesempatan ini, saya merakamkan jutaan terima kasih kepada YM Pengarah dan pengurusan Yayasan Islam Kelantan, Sidang Pengarang serta semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan SUARA YIK. Semoga segala curahan kebaikan tersebut akan melimpahkan rahmat dan belas kasihan Yang Maha Kuasa.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUFAKAT, NEGERI BERKAT"

**'MEMBANGUN BERSAMA ISLAM -
KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN'
'WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030'**

Salam Hormat

Setitis Tinta



**YB DATO' DR. HAJI MOHAMED
FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN**

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan,
Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi
Negeri Kelantan

118

PENGETUA IKUTI PROGRAM USRAH


Kota Bharu : 23 Jun - Seramai 118 orang menyertai program Usrah Pengetua kali ke-2 yang diadakan secara dalam talian pada 23 Jun 2021. Program berkala ini adalah bertujuan untuk merapatkan hubungan silaturahim antara pengetua selain daripada menerima input terkini berhubung isu-isu semasa pendidikan dan Kerajaan Negeri Kelantan.

YM Pengarah YIK dalam ucapan alu-aluannya menyentuh mengenai alternatif baharu untuk menggerakkan program dalam suasana pandemik ini ialah secara dalam talian meskipun tidak dapat bersemuka tetapi perancangan tetap dilaksanakan mengikut perancangan dan agenda. Beliau juga mengingatkan bahawa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini adalah masih dalam tempoh persekolahan, para pengetua dan guru hendaklah sentiasa berhubung dengan ibu bapa atau penjaga untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilangsungkan dengan baik. Ini untuk mengelakkan tanggapan sesetengah pihak yang beranggapan sekolah masih bercuti dan tidak perlu mengikut sesi PdPR yang dilaksanakan.



Selain itu, YM Pengarah mengharapkan para pengetua memberi sepenuh komitmen menjayakan Dasar Pendidikan Rabbani yang menjadi teras kemenjadian pelajar selaras dengan perhatian kerajaan terhadap kebajikan dan penambahbaikan skim guru-guru Yayasan Islam Kelantan.

Pengisian program berkenaan telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Dr. Johari b. Mat, Pengarah Institut Pemikiran Tok Guru Bentara Setia (IPTG), manakala ucapan penutup pula disempurnakan oleh YB Dato' Dr. Hj. Mohamed Fadzli b. Dato' Hj. Hassan, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi.



Nering, Pasir Puteh : 28 Ogos - Para pendidik disaran untuk melengkapkan diri dengan teknologi pendidikan terkini untuk menyahut cabaran pendidikan norma baharu pada masa ini, demikian dinyatakan oleh YM Engku Rajhan b. Engku Ismail, Pengarah Yayasan Islam Kelantan dalam ucapan perasmian Mesyuarat Agung PIBG SMU (A) Nurul Ittifaq Nering kali ke-36 dan 37 yang diadakan secara dalam talian pada 28 Ogos 2021. Peranan guru hari ini semakin mencabar yang jauh berbeza dengan kaedah pengajaran yang digunakan sebelum ini, oleh itu guru-guru hendaklah memantapkan diri dengan aplikasi-aplikasi terbaharu serta mampu menarik minat pelajar untuk mengikuti pelajaran secara berterusan meskipun tidak secara bersemuka. **"Jangan ada dalam kalangan guru kita yang ketinggalan dalam arus kemajuan teknologi ini"** ujarinya.

GURU PERLU LENGKAPKAN DIRI DENGAN TEKNOLOGI TERKINI

Selain itu, beliau mengingatkan ibu bapa mengambil peranan yang lebih proaktif memandangkan masa yang dahulunya anak-anak menghabiskan di sekolah, kini semua mereka berada di rumah, dan inilah masanya para ibu bapa menggantikan tugas guru memantau sejauh mana anak-anak memanfaatkan masa berkenaan untuk tujuan pelajaran dan pendidikan. Beliau berharap sekolah-sekolah agama ini akan menjadi pusat pendidikan melahirkan hamba Allah yang berkebolehan dalam berbagai bidang sehingga mampu memimpin diri, keluarga dan masyarakat. PIBG juga menurut beliau, merupakan platform yang mampu untuk mencari jalan penyelesaian terbaik merungkai permasalahan yang berlaku dalam komuniti setempat khususnya ke arah meningkatkan prestasi akademik dan sahsiah pelajar.

Turut serta secara dalam talian itu, YB Ust. Mohd Nazlan b. Mohamed Hasbullah, ADUN Limbongan merangkap Pemangku Yang Dipertua PIBG, Ust. Harun b. Ismail, Penolong Pengarah HEM, Ust. Azha b. Mohamed, Pengetua, guru-guru dan ibu bapa.



ANUGERAH IHTIFAL ILMI PERINGKAT YIK

Kompleks Pentadbiran YIK, Tunjong : 8 Dis – Seramai 78 orang pelajar penerima hadiah diraikan dalam Majlis Anugerah Ihtifal Ilmi yang diadakan pada 8 Disember 2021 di Kompleks Pentadbiran Yayasan Islam Kelantan. Majlis ini bertujuan memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada pelajar-pelajar yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam acara yang dipertandingkan. Timbalan Pengarah Sekolah dalam ucapan alu-aluannya menyatakan bahawa penyertaan pelajar melebihi 1,000 orang yang dilaksanakan secara dalam talian, pelaksanaan pertandingan juga melibatkan peringkat sekolah, zon dan peringkat negeri. Biarpun kekangan bersemuka akibat pandemik COVID-19 namun pelaksanaan dapat diteruskan sebagaimana jadual.

Sementara itu YM Pengarah dalam ucapan perasmian mencadangkan untuk melaksanakan pertandingan lebih awal, ini akan memberikan peluang yang lebih luas kepada peserta YIK mengadakan sesi latihan. **“Kita mahu lebih ramai pelajar-pelajar YIK menerima anugerah dalam MISSMAM di peringkat kebangsaan”** katanya. Dalam

pertandingan tahun ini pelajar YIK memenangi 2 acara naib johan dan 2 acara tempat ketiga dalam 4 acara yang dipertandingkan, antaranya ialah Syarahan Bahasa Melayu oleh Ahmad Izzuddin b. Mohd Anuar Musaddad dari Kolej Tahfiz Nurul Aman Kok Lanas dan Pertandingan Khat, Mohamed Hafiyah b. Zulkifli dari Maahad Sains Tok Guru Pengkalen Chepa.

Dalam majlis berkenaan, penyampaian hadiah dalam 10 acara yang dipertandingkan bermula dari peringkat Sekolah Rendah Ugama (SRU), SMU (A), SABK dan Maahad. Johan keseluruhan Peringkat Menengah telah dimenangi oleh Maahad Tahfiz Wal Qiraat Pulau Chondong, tempat kedua Maahad Sains Tok Guru manakala tempat ketiga ialah Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah, manakala Peringkat Rendah, johan keseluruhan adalah SMU (A) Ittihadiah Tanjung Pagar Ketereh, Kota Bharu tempat kedua SMU (A) Tarbiah Diniah Meranti, Pasir Mas dan tempat ketiga SRU Ulum Diniah Padang Siam, Tanah Merah.

PERTANDINGAN KEBERSIHAN PERINGKAT NEGERI KELANTAN : 3 SEKOLAH YIK TERIMA PENGHARGAAN

Kota Bharu : 9 Dis 2021 - Maahad Saniah Pasir Puteh muncul johan dalam Anugerah Kelantanku Bersih yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Sementara itu, SMU (A) Khairiah Padang Pak Amat, Pasir Puteh dan Maahad Sabirin Ayer Lanas, Jeli masing-masing mendapat tempat naib johan dan tempat ketiga dalam kategori Pengiktirafan Sekolah Bersih dan Ceria Bagi Sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan.

Pertandingan ini adalah bertujuan untuk memupuk amalan kebersihan dalam kalangan masyarakat di Negeri Kelantan selaras dengan dasar kerajaan negeri untuk menjadikan Kelantan sebuah negeri yang bersih, mewujudkan persekitaran yang bersih dan ceria serta mempromosikan amalan kebersihan dan menggalakkan masyarakat untuk bersama-sama Pihak Berkuasa Tempatan dalam menjaga kebersihan persekitaran.

Anugerah berkenaan disampaikan oleh YB Dato' Mohd Amar b. Abdullah, Timbalan Menteri Besar Kelantan dalam Pelancaran Majlis Sambutan Hari Kelantanku Bersih 2021 dan Majlis Pelancaran Zon Bersih Indah dan Ceria Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan di Hotel Perdana Kota Bharu.

Program dan aktiviti ini digerakkan untuk memupuk kesedaran awam terhadap kepentingan kebersihan dalam tuntutan agama dan menjadi asas kepada pelaksanaan ibadat. Ia juga bertujuan untuk memperhebatkan penguatkuasaan dan pendidikan kebersihan secara berterusan sehingga melahirkan masyarakat yang dapat mempamerkan budaya kebersihan dalam semua segi kehidupan.



Tahniah : Pengetua Maahad Saniah, Pasir Puteh, Ust. Suzani b. Jaafar bersama rakan-rakan dari Maahad Sabirin Ayer Lanas, Jeli dan SMU (A) Khairiah Padang Pak Amat, Pasir Puteh menerima replika cek dan sijil penghargaan.

140 PELAJAR YAYASAN ISLAM KELANTAN LANJUT PELAJARAN KE TIMUR TENGAH



Kompleks Pentadbiran YIK, Tunjong : 26 November - Seramai 140 orang pelajar Yayasan Islam Kelantan melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah untuk mengikuti pengajian secara bersempena di beberapa buah universiti terutamanya di Mesir dan Jordan. Menurut Penolong Pengarah Hal Ehwal Murid, Ust. Harun b. Ismail, seramai 37 orang pelajar yang menduduki peperiksaan STAM pada tahun 2019 akan mengikuti kursus Pengajian Islam dan Bahasa Arab di Universiti Al-Azhar, 35 orang pula akan mengikuti kursus Pengajian Al-Quran di Maahad Syoubra Al-Azhar manakala 3 orang pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia akan mengikuti kursus Pergigian. Kesemua pelajar berkenaan telah bertolak pada 16 September dan 16 Oktober 2021.

Dalam pada itu, seramai 12 orang pelajar melanjutkan pelajaran dalam bidang Pengajian Islam di Universiti Al-Yarmouk di Jordan termasuk 8 orang pelajar perempuan telah berlepas pada 26 September 2021.

53 pelajar lagi, yang menduduki peperiksaan STAM dan 2 orang pelajar SPM pada tahun 2021 sedang menunggu kebenaran untuk menyambung pengajian dalam bidang Pengajian Islam dan Bahasa Arab di Universiti Al-Azhar, Mesir. Sehingga ini 22 pelajar termasuk 1 orang pelajar

pergigian telah mendapat kebenaran belajar dan telah berangkat ke Mesir pada 26 November 2021, menjadikan jumlah keseluruhan pelajar ke Timur Tengah sesi 2021 seramai 110 orang pelajar.

Yayasan Islam Kelantan telah menguruskan pelajar-pelajar berkenaan dengan menyediakan pegawai pengiring dan membantu semua urusan penerbangan dan lain-lain keperluan sehingga mereka tiba di universiti masing-masing.

Terdahulu, pada 16 Oktober yang lalu YB Dato' Mohd Amar b. Abdullah, Timbalan Menteri Besar Kelantan telah menyampaikan sumbangan Kerajaan Negeri sebanyak RM500.00 kepada setiap pelajar yang berjaya melanjutkan pelajaran ke Universiti Timur Tengah pada tahun ini.



Sumbangan : YB Dato' Mohd Amar b. Abdullah menyampaikan sumbangan kepada pelajar ke Timur Tengah



Kompleks Pentadbiran YIK : 28 Nov - Bank Islam Malaysia Berhad menyerahkan RM50,000.00 sumbangan zakat kepada Yayasan Islam Kelantan. Majlis penyerahan berkenaan diadakan Kompleks Pentadbiran YIK, Tunjong dan disampaikan oleh Pn. Rosmawati bt. Mohamed Zin, Pengurus Kawasan Pantai Timur kepada YM Hj. Engku Rajhan b. Engku Ismail, Pengarah Yayasan Islam Kelantan. Dalam ucapan terima kasih, YM Pengarah mengharapkan hubungan yang lebih erat antara BIMB dan warga Yayasan Islam Kelantan. Memandangkan sebahagian besar daripada guru-guru dan kakitangan YIK berstatus jawatan tidak tetap, YIK amat berbesar hati sekiranya BIMB dapat menyediakan produk khusus untuk menyediakan kemudahan pembiayaan perumahan kepada kategori ini, YIK akan memberi jaminan bahawa guru dan kakitangan ini adalah mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Negeri. Kemudahan seperti ini adalah sebahagian dari usaha-usaha menjaga kebajikan kakitangan sehingga mereka dapat menikmati kehidupan yang lebih selesa.

BANK ISLAM SALUR SUMBANGAN ZAKAT UNTUK PELAJAR YIK

Pihak BIMB pula dalam ucapan balasnya meminta dipanjatkan doa murahkan rezeki pada tahun-tahun akan datang untuk menghulurkan sumbangan yang lebih besar, malah mereka menaruh kepercayaan yang tinggi kepada institusi agama sebagai saluran untuk disampaikan kepada golongan asnaf. Pihak BIMB juga mengharapkan komitmen yang lebih padu daripada semua warga YIK dengan mengambil bahagian dalam produk-produk baharu yang ditawarkan oleh pihak bank. Kesalingan ini akan menjalin hubungan yang lebih kukuh untuk kebaikan bersama.

Turut menyertai rombongan BIMB, Pn. Wan Rusmayaty bt. Wan Hussin, (Pengurus Deposit Negeri), En. Sulaima b. Mohd Zin (Pengurus Cawangan Kubang Kerian) dan En. Wan Hawari b. Wan Mohamed (Pengurus Deposit).

Manakala Yayasan Islam Kelantan disertai oleh Timbalan Pengarah Pengurusan, Timbalan Pengarah Sekolah, Timbalan Pengarah Akademik dan Timbalan Pengarah Kenaziran turut sama Akauntan, Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan dan Penolong Pengarah Kenaziran.

Kakitangan YIK Mula Terima

SUNTIKAN VAKSIN

KOTA BHARU : 15 Jun - Kakitangan Yayasan Islam Kelantan mula menerima suntikan vaksin COVID-19 dos pertama mulai hari ini dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan bertempat di Dewan Bunga Teratai, Kota Darulnaim, Kota Bharu. Program anjuran Jabatan Kesihatan Negeri yang diadakan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kelantan menyasarkan semua kakitangan dari agensi dan jabatan kerajaan dari 134 agensi dan jabatan untuk menerima suntikan seperti yang telah ditetapkan. Program Outreach ini merupakan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) sementara untuk agensi/ jabatan kerajaan dan media.

Pengarah YIK, YM Hj. Engku Rajhan b. Engku Ismail turut sama hadir menerima suntikan pertama pada hari ini bersama kakitangan yang lain. Beliau mengharapkan agar program outreach ini dapat membantu mempercepatkan proses penerimaan vaksin dalam kalangan penjawat awam khususnya guru dan kakitangan YIK, memandangkan mereka merupakan antara golongan yang mudah terdedah kepada jangkitan COVID-19 terutamanya sewaktu melaksanakan tugas PdP secara bersemuka dan dalam masa pengendalian program-program yang melibatkan pelajar dan masyarakat, di samping itu dapat membantu meningkatkan kelompok imuniti.

Dalam perkembangan lain, guru-guru dan kakitangan sekolah Yayasan Islam Kelantan juga telah mula menerima suntikan vaksin mengikut daerah masing-masing, antaranya Jajahan Tumpat, Pasir Puteh, Kota Bharu dan beberapa jajahan lain.

Bersama-sama kita membantu kerajaan dalam memutuskan rantaian jangkitan COVID-19. **"LINDUNG DIRI, LINDUNG SEMUA".**



Suntikan Vaksin : YM Pengarah dan pegawai-pegawai YIK menerima suntikan vaksin di Kompleks Kota Darulnaim Kota Bharu.



YM Pengarah YIK Mengadakan Kunjungan ke PKRC

Salor, Kota Bharu : 11 Mei - Pengarah Yayasan Islam Kelantan, YM Hj. Engku Rajhan b. Engku Ismail telah mengadakan lawatan ke Pusat Kuarantin & Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) di Sekolah Menengah Salor, Kota Bharu pada 11 Mei 2021. Kunjungan ini adalah untuk melihat secara dekat perjalanan pusat kuarantin berkenaan yang turut dihuni oleh pelajar-pelajar Yayasan Islam Kelantan yang positif COVID-19 dari beberapa buah Maahad Tahfiz.

YM Pengarah merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua petugas dan *frontliner* yang telah menunaikan tanggungjawab untuk memastikan tiada penularan dan sentiasa memantau tahap kesihatan pesakit dari masa ke masa. Dalam kesempatan itu juga YM Pengarah turut menyampaikan sumbangan untuk diagihkan kepada semua penghuni berupa makanan ringan dan air minuman. Turut serta dalam kunjungan berkenaan, Timbalan Pengarah Pengurusan, Tn. Hj. Shamsul b. Abu Bakar, Timbalan Pengarah Sekolah, Tn. Hj. Che Kamarudin Kamel b. Che Muhammad, Timbalan Pengarah Akademik, Tn. Hj. Mohd Zaki b. Deraman dan Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan Pn. Hjh. Nur Azah bt. Abdul Rahman.





Peratus Kelulusan Keputusan Peperiksaan SMU, SMU Dini dan SMTQ Tahun 2020 **Meningkat kepada 96.50%**

Kompleks Pentadbiran YIK, Tunjong : 08 Julai - Keputusan Peperiksaan Sijil Menengah Ugama (SMU) bagi tahun 2020 sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan telah meningkat kepada 96.50 peratus berbanding 92.17 peratus pada tahun 2019. Keputusan peperiksaan berkenaan telah diumumkan pada 8 Julai 2021 oleh Pengarah YIK, YM Hj. Engku Rajhan b. Engku Ismail di Lobi Kompleks Pentadbiran Yayasan Islam Kelantan Tunjong.

Sekolah yang mencapai keputusan cemerlang adalah Maahad Sains Tok Guru, Pengkalan Chepa dengan pencapaian Gred Purata Sekolah (GPS: 1.01) mewakili Maahad Kawalan. Bagi kategori Maahad Pilihan, Maahad Muhammadi (Perempuan) Pasir Pekan, Tumpat mendahului sekolah-sekolah lain dengan (GPS:1.59). Maahad Syamsul Maarif (Perempuan) Pulau Chondong, Machang pula mewakili Maahad Kerajaan dengan pencapaian (GPS:1.65). Dalam kategori SMU (A), pencapaian tertinggi diperolehi oleh SMU (A) Tarbiah Diniah (Tahfiz) Bunut Sarang Burung, Tumpat (GPS:1.59). Sementara itu, untuk kategori SABK, pencapaian terbaik adalah SMU (A) Tarbiah Islamiah Kuala Kajang, Tanah Merah (GPS:1.45). Sekolah-sekolah berkenaan mencatatkan pencapaian 100 peratus.

Dari sudut pencapaian sekolah dengan kelulusan penuh, sebanyak 47 buah sekolah mencatatkan keputusan 100 peratus yang terdiri dari 14 buah Maahad, 10 buah SMU (A), 13 buah SABK dan 10 buah sekolah swasta yang menyertai peperiksaan SMU dari dalam dan luar negeri Kelantan.

YM Pengarah YIK dalam satu kenyataannya mewakili Lembaga Peperiksaan YIK mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang terlibat menayakan agenda memperkasakan pendidikan di negeri ini khususnya pendidikan agama di sekolah-sekolah serta mengingatkan agar terus mengembeling usaha untuk sentiasa maju ke hadapan dengan kejayaan yang lebih cemerlang pada masa akan datang.

Agihan keputusan kepada pengetua telah dilaksanakan dengan pematuan SOP yang ketat melalui kaedah pandu lalu dan dalam pecahan pengagihan yang kecil bagi mengurangkan risiko penularan COVID-19 pada masa ini. Arahan juga dikeluarkan kepada semua pengetua untuk membuat agihan keputusan peperiksaan berkenaan di peringkat sekolah secara maya atau serahan fizikal melalui penghantaran tanpa melibatkan aktiviti bersemuka.



Terbaik Maahad Kawalan : Pengetua Maahad Sains Tok Guru menerima keputusan peperiksaan SMU dari YM Pengarah YIK.



Gotong-Royong Pembajaan Durian

Kelewek, Tanah Merah : 26 Ogos - Seramai 30 kakitangan Yayasan Islam Kelantan mengadakan gotong royong membersihkan dan membaja pokok durian di Kelewek Tanah Merah. Pokok durian yang ditanam pada 1 Ogos 2018 ini telah semakin subur dan perlu kepada penjagaan yang rapi. Antara durian yang terdapat di kebun seluas hampir 7 ekar ini ialah Musang King, Durian Kunyit dan beberapa spesis yang diimport dari Thailand. Pengarah YIK, YM Hj. Engku Rajhan b. Engku Ismail mengetuai program gotong royong pada kali ini dan telah menyampaikan taklimat berhubung kaedah *pruning* dan pembajaan yang betul. Menurut beliau, pokok durian memerlukan tanah yang lembab dan pembajaan yang mencukupi. Bekalan air yang berterusan merupakan penggalak kesuburan dan penjagaan dari ancaman serangga perosak juga perlu diberi perhatian dari masa ke masa. Selain itu, semua ranting yang tidak diperlukan hendaklah dibuang dan hanya mengekalkan ranting yang dijangka menjadi dahan untuk berbuah, kesemua itu perlu diteliti dengan anggaran jarak yang sesuai sehingga menghasilkan buah yang besar dan berkualiti. Program separuh hari itu juga turut disertai oleh Timbalan Pengarah Pengurusan, Timbalan Pengarah Sekolah, Timbalan Pengarah Akademik dan Timbalan Pengarah Kenaziran.



“Program Titipan Kasih YIK dan Cakna Wanis” Agih Sumbangan kepada Pelajar Asnaf



Sumbangan Zakat : YM Hj. Engku Rajhan b. Engku Ismail, Pengarah YIK menyempurnakan majlis penyampaian sumbangan kepada pelajar asnaf di SMU (A) Nurul Ittifak Nering, Pasir Puteh.

Nering, Pasir Puteh : 03 Okt - Para pendidik disaran untuk melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran semasa sesuai dengan perkembangan norma baharu dunia pendidikan. Guru-guru juga harus peka terhadap sebarang perubahan pendekatan teknologi dengan mengambil langkah proaktif meningkatkan kualiti diri untuk terus menyumbang khidmat terbaik kepada pelajar dan sekolah. Demikian saranan YM Pengarah Yayasan Islam Kelantan, YM Hj. Engku Rajhan b. Engku Ismail dalam Majlis Titipan Kasih YIK dan Wanis Cakna ke-VIII di SMU (A) Nurul Ittifak Nering, Pasir Puteh Kelantan.

Program yang diadakan pada 3 Oktober 2021 itu turut disertai oleh YM Hjh. Tg Sahariah bt. Tuan Hamzah, Pengerusi Wanis YIK bersama Ahli-ahli Jawatankuasa. Turut hadir Tn. Hj. Shamsul b. Abu Bakar, Timbalan Pengarah Pengurusan dan Tn. Hj. Che Kamarudin Kamel b. Che Muhammad, Timbalan Pengarah Sekolah.

WANIS merupakan pertubuhan wanita Yayasan Islam Kelantan yang bertujuan untuk menggerakkan aktiviti merapatkan hubungan silaturahim antara ahli serta melaksanakan program-program sosial yang berupa kebajikan kepada pelajar-pelajar sekolah Yayasan Islam Kelantan.

Sejak tahun 2017, pihak WANIS telah mengadakan sebanyak 9 siri sumbangan melibatkan sekolah-sekolah di jajahan Kota Bharu, Tanah Merah, Tumpat, Kuala Krai, Gua Musang dan Jeli. WANIS juga menganjurkan seminar kesihatan, Kursus-kursus, program-program kebajikan sosial seperti agihan sumbangan Ramadan dan sumbangan bakul makanan kepada yang terkesan dengan COVID-19.

Seramai 473 orang murid asnaf terpilih untuk menerima zakat di tiga buah sekolah berkenaan. Dalam perkembangan lain, WANIS juga mengadakan program yang serupa di SMU (A) Nurul Huda Bukit Yong, Pasir Puteh dan SMU (A) Nurul Falah Cherang Ruku, Pasir Puteh pada 1 November 2021.



Sumbangan Zakat : YM Hjh. Tg Sahariah bt. Tuan Hamzah, Pengerusi WANIS YIK menyampaikan sumbangan kepada pelajar asnaf di SMU (A) Nurul Huda Bukit Yong, Pasir Puteh.

YIK—BPI KPM kukuhkan Kerjasama Dua Hala

Kompleks Pentadbiran YIK : 25 Okt - Yayasan Islam Kelantan mengadakan kerjasama dengan Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan dalam satu program Libat Urus BPI, KPM bersama Pengetua SMKA dan SABK Kelantan pada 25 Oktober 2021.

Yayasan Islam Kelantan sentiasa terbuka untuk menjalin kerjasama yang lebih erat dengan Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya yang melibatkan pengurusan 20 SABK di negeri Kelantan.

YM Pengarah YIK dalam ucapan alu-aluan menyatakan bahawa perhatian sentiasa diberikan dengan membuat semakan pemantauan kepada perkembangan sekolah-sekolah SABK khususnya ke arah peningkatan pencapaian akademik.

Menurutnya lagi, beliau turut berbangga dengan pencapaian sebahagian daripada sekolah-sekolah SABK yang telah menunjukkan prestasi cemerlang di peringkat kebangsaan. Pihak Yayasan Islam Kelantan juga sentiasa membuka ruang perbincangan dan amat mengalu-alukan kerjasama dua hala yang lebih agresif ke arah memberi manfaat yang lebih banyak kepada kedua-dua belah pihak.

Selain itu, YM Pengarah mengharapkan pertemuan pada hari ini menjadi asas untuk YIK dan KPM saling melanjutkan permuafakatan yang lebih erat di peringkat pegawai,



Cenderahati : YM Hj. Engku Rajhan b. Engku Ismail, Pengarah YIK menyampaikan cenderamata kenangan.

pengetua dan warga kerja keseluruhannya. Program yang diadakan di Dewan Seminar YIK itu telah dirasmikan oleh Tn. Hj. Hassan Nudin b. A. Hamid, Pengarah Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kehadiran pengetua-pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Pengetua Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) seluruh negeri Kelantan.

Turut hadir dalam majlis berkenaan adalah Tn. Hj. Saifuddin b. Hussin, Timbalan Pengarah Sektor Pengembangan Sekolah Agama, Bahagian Pendidikan Islam, KPM, En. Azlisham b. Ibrahim dari Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan serta Tn. Hj. Che Kamarudin Kamel b. Che Muhammad, Timbalan Pengarah Sekolah Yayasan Islam Kelantan.

Pengetua Disaran Mantapkan Pelan Kecemerlangan Sekolah bagi Menangani Isu Keciciran

Kompleks Pentadbiran YIK, Tunjong : 04 Okt - Para pengetua disaran untuk memantapkan Pelan Kecemerlangan Sekolah bagi menangani isu-isu berbangkit pasca COVID-19 terutamanya melibatkan keciciran pelajar dalam mengikuti pembelajaran. Pelan ini penting bagi meletakkan tahap kesiapsiagaan sekolah menerima pelajar secara bersemuka apabila arahan pembukaan penuh sekolah dikeluarkan. Demikian saranan YM Pengarah YIK, Hj. Engku Rajhan b. Engku Ismail dalam sesi Amanat Khas Bersama Pengetua yang diadakan secara dalam talian pada 4 Oktober 2021. Menurutnya, sehingga kini Yayasan Islam Kelantan telah memulakan pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka untuk tingkatan 6 bagi pelajar yang akan menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) pada 10 Oktober 2021. "Isu kecemerlangan pelajar menjadi keutamaan saya apabila kita menerima tanggungjawab ibu bapa untuk mendidik anak-anak mereka sebagai seorang yang berjaya dalam bidang akademik dan mempunyai sahsiah yang tinggi", ujarnya.

Dalam pertemuan berkenaan YM Pengarah turut berpuas hati dengan langkah-langkah yang diambil untuk menangani isu-isu berbangkit melibatkan kepentingan guru dan kakitangan Yayasan Islam Kelantan.

Dalam program yang sama taklimat "**Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah Yayasan Islam Kelantan**" telah disampaikan oleh Tn. Hj. Che Kamarudin Kamel b. Che Muhammad, Timbalan Pengarah Sekolah yang memperincikan 12 item melibatkan Vaksinasi Guru dan Kakitangan Sokongan, Pengurusan Pembukaan Sekolah, Pengurusan Sekolah, Keselamatan Murid, Guru dan Warga Sekolah, Panduan Pengurusan Ujian Kendiri COVID-19 dan Pengurusan Prasekolah.

Buku panduan berkenaan juga turut menyentuh Pengurusan Asrama Sekolah, Pengoperasian Surau/Musalla, Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum, Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran serta Amali, Pengurusan Pentaksiran Pusat Peperiksaan Awam dan juga Pelaksanaan Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan untuk Murid Sekolah Malaysia (SEGAK)

Program secara dalam talian berkenaan turut disertai oleh Tn. Hj. Shamsul b. Abu Bakar, Timbalan Pengarah Pengurusan, Tn. Hj. Mohd Zaki b. Deraman, Timbalan Pengarah Akademik dan Tn. Hj. Sukeri b. Hussin, Timbalan Pengarah Kenaziran.



YM Pengarah YIK Sampaikan Sumbangan kepada Pelajar Kuarantin SABK Al-Kauthar, Peringat

Peringat, Kota Bharu : 28 Nov - Pengarah Yayasan Islam Kelantan, YM Hj. Engku Rajhan b. Engku Ismail telah mengadakan lawatan mengejut ke SMU (A) Al-Kauthar Peringat, Kota Bharu (SABK) ekoran daripada berlaku peningkatan jangkitan kes COVID-19 kepada pelajar-pelajar asrama sekolah berkenaan. Program yang disertai oleh Timbalan-timbalan Pengarah YIK itu sempat meninjau dengan lebih dekat keadaan di asrama dan pengurusan pelajar sepanjang sekolah dibuka secara bersemuka untuk pelajar-pelajar yang akan menduduki peperiksaan pada tahun ini. YM Pengarah menekankan keperluan untuk memastikan pematuan SOP sepenuhnya sepanjang pelajar berada di asrama dan pengasingan perlu dilakukan segera sekiranya terdapat pelajar yang bergejala. Selain itu, pemeriksaan secara berkala melalui *rapid test* hendaklah dibuat dengan lebih kerap.

Dalam lawatan berkenaan juga YM Pengarah telah menyampaikan sumbangan seperti makanan kering dan keperluan-keperluan lain yang berkaitan untuk memastikan pelajar tidak melakukan pergerakan ke luar dan sentiasa menjaga kebersihan sepanjang berada di asrama. Beliau juga turut mengucapkan terima kasih kepada pengetua dan pihak sekolah yang telah mengambil tindakan sewajarnya dalam menangani isu berkenaan. Kerjasama daripada semua pihak amat perlu memandangkan negeri ini masih merekodkan kes harian COVID-19 yang agak tinggi berbanding negeri-negeri lain. Langkah pengawalan dan pencegahan perlu sentiasa diutamakan dan setiap pelajar perlu menyemak dari masa ke masa garis panduan SOP yang telah dibekalkan untuk menjamin semua warga sekolah kekal selamat dan bebas daripada sebarang jangkitan.



Lawatan Muhibah Pegawai Tadbir Negeri ke Yayasan Islam Kelantan

Kompleks Pentadbiran YIK : 15 Nov - Yayasan Islam Kelantan menerima kunjungan 18 Pegawai Tadbir Negeri dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dalam rangka lawatan suai kenal agensi-agensi kerajaan negeri di seluruh jajahan pada 15 November 2021.

Lawatan ini antara lain bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim dan mendedahkan pegawai kepada persekitaran kerja di Yayasan Islam Kelantan. YM Pengarah YIK dalam ucapannya mengalu-alukan kunjungan ini dan mengharapkan pegawai-pegawai muda ini dapat memberikan sumbangan terbaik untuk masa depan negeri Kelantan yang lebih cemerlang.

Rombongan ini diiringi oleh Pn. Mardhiah bt. Mat Jusoh, Penolong Pengarah Pembangunan Organisasi dan Pn. Siti Shahida bt. Arifin, Penolong Pengarah Kanan Perkhidmatan dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.



Meterai Perjanjian : YM Pengarah YIK dan Pengarah Syarikat Alfar Gemilang Sdn. Bhd menandatangani MOU bagi mewakili kedua-dua belah pihak.

Majlis Menandatangani MOU

antara YIK dan Syarikat Sri Alfar Gemilang Sdn. Bhd.

Kompleks Pentadbiran YIK, Tunjong : 28 Nov – Yayasan Islam Kelantan menandatangani MOU dengan Syarikat Alfar Gemilang Sdn. Bhd. untuk pajakan tanah HS(D) 9862 PT5340 Mukim Renok, Jajahan Gua Musang. YM Pengarah mewakili Yayasan Islam Kelantan, manakala En. Hong Tern Yan dan En. Zaid b. Omar mewakili Syarikat Alfar Gemilang Sdn. Bhd.

Mengikut perjanjian berkenaan pihak syarikat dikenakan sewa pajakan RM225.00 seekor setahun untuk tanah yang berkeluasan 220 ekar. Ia merupakan pulangan hasil kepada Yayasan Islam Kelantan sebanyak RM49,500.00 setiap tahun.

Syarikat berkenaan bercadang untuk mengusahakan perladangan buluh secara usaha sama dan merupakan projek usaha sama pertama yang dilaksanakan oleh Yayasan Islam Kelantan dengan syarikat. Hadir sama Timbalan-Timbalan Pengarah, Penolong-penolong Pengarah dan pegawai-pegawai Yayasan Islam Kelantan.

Majlis Menandatangani Perjanjian Jual Beli dan Penyerahan Kunci Kedai/Pejabat Akademi YIK kepada Yayasan Tok Kenali

Kompleks Pentadbiran YIK, Tunjong : 12 Sept – Akademi Yayasan Islam Kelantan menandatangani perjanjian jual beli dan penyerahan kunci kedai/pejabat kepada Yayasan Tok Kenali (YTK) bagi penjualan 1 Unit Kedai/Pejabat Dua (2) Tingkat PT1729 Mukim Pendek, Daerah Pendek, Jajahan Kota Bharu, Kelantan. Majlis berkenaan disempurnakan oleh YM Pengarah Yayasan Islam Kelantan merangkap Ketua Eksekutif Akademi YIK Sdn. Bhd. kepada Pengarah Yayasan Tok Kenali, Tn. Hj. Zulkarnain b. Hasan di Dewan Seminar Yayasan Islam Kelantan.

Turut menyaksikan perjanjian berkenaan, Penolong Pengarah YTK, En. Nuri b. Yaakob, En. Rosli b. Abdullah, Timbalan-Timbalan Pengarah YIK dan En. Khairul Fatmee b. Jusoh, Pengurus Akademi Yayasan Islam Kelantan Berhad.



Solat Hajat Pengoperasian Maahad Tahfiz Sains Tualang Tinggi, Pasir Puteh

Pasir Puteh : 2 Nov - YM Hj. Engku Rajhan b. Engku Ismail, Pengarah Yayasan Islam Kelantan telah mengadakan kunjungan ke Maahad Sains Nurul Hidayah Tualang Tinggi, Pasir Puteh sempena Majlis Solat Hajat Pembukaan Sekolah Maahad Tahfiz Sains Nurul Hidayah pada 2 November 2021.

Kunjungan ini adalah untuk melihat dengan lebih dekat perkembangan pembangunan di Maahad berkenaan yang telah memulakan operasi setelah berpindah dari tapak sementara di Pusat Kokurikulum, Jelor, Pasir Puteh.

Sewaktu berucap seusai solat hajat, YM Pengarah menekankan pencapaian KPI sekolah perlu menjadi teras pengukuran prestasi Maahad Tahfiz sebagai asas melahirkan huffaz yang berkualiti dan berdaya saing. **“Inilah produk yang menjadi kebanggaan YIK dan Kerajaan Negeri Kelantan”**, ujarnya. Selain itu, beliau turut menyatakan komitmen untuk menambah baik

kemudahan asrama serta beberapa perkara lain yang berkaitan. Beliau turut memaklumkan bahawa pada masa ini YIK telah mengambil langkah menambah baik skim perkhidmatan guru kepada skim yang lebih baik bagi menangani isu perpindahan guru YIK ke insituti pendidikan yang lain.

Sementara itu, Pengetua Maahad Tahfiz Sains Nurul Hidayah, Ust. Pahrudin Karimi b. Che Muhammad dalam ucapannya, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kunjungan rombongan Pengarah Yayasan Islam Kelantan, tetamu-tetamu kehormat serta dif jemputan.

Hadir sama dalam lawatan berkenaan YB Hj. Mohd Nazlan b. Mohamed Hasbullah, ADUN Limbongan, Tn. Hj. Azi Rahimi b. Mohamad, Pengarah YAKIN, penghulu, dan pemimpin-pemimpin masyarakat tempatan serta Timbalan-timbalan Pengarah YIK.



Kerajaan Negeri Sumbang RM412,500 kepada 825 Pelajar Cemerlang SPM, STAM dan STPM 2020



Mengambil kira pandemik COVID-19, majlis berkenaan diadakan dengan pematuhan ketat SOP, jumlah pelajar yang menerima anugerah juga dihadkan. Selain itu pengagihan baki penerima akan diadakan secara berperingkat mengikut kawasan DUN. YB Dato Hj. Hassan b. Mahmood, Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan mewakili semua Ahli Parlimen menerima sumbangan berkenaan daripada YB Dato' Mohamed Fadzli b. Dato Hj. Hassan.

Mengikut rekod, Kerajaan Negeri Kelantan telah membelanjakan RM6,934,000.00 dengan seramai 13,868 penerima sejak program anugerah kecemerlangan peperiksaan pelajar ini diperkenalkan mulai tahun 2006.

Dalam ucapan perasmian, YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli menyatakan bahawa kerajaan komited dalam usaha memperkasakan pembangunan pendidikan dengan membelanjakan satu nisbah peruntukan yang besar dalam setiap kali bajet tahunan peringkat negeri. Pelaburan pendidikan mengambil masa yang panjang dan tidak mendatangkan pulangan segera, namun pada hari ini produk dari Yayasan Islam Kelantan telah berada di posisi penting dalam semua sektor kerajaan dan swasta di negara ini.

Kompleks Pentadbiran YIK, Tunjong : 16 Nov - Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan RM412,500.00 untuk Anugerah Kecemerlangan Peperiksaan tahun 2020 sebagai satu insentif menghargai pelajar cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

Majlis penyampaian anugerah berkenaan telah diadakan di Kompleks Pentadbiran Yayasan Islam Kelantan pada 16 November 2021 disempurnakan oleh YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli b. Dato' Hj. Hassan, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi Negeri Kelantan.

Lazimnya sumbangan ini secara tunai, walaubagaimanapun mulai peperiksaan tahun 2019, sumbangan berkenaan dikreditkan ke dalam akaun SSPN Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional.




The Cascading of English Language CEFR Aligned in YIK's School

Oleh : Zainara Abdul Hamid



To accelerate efforts to elevate the standard of English in YIK's schools, several courses have been conducted for all the English language teachers. This initiative is to align the English language curriculum with CEFR standards which is the latest form of curriculum based of KSSM since 1998; until this year, it is implemented for form 5 level.

The limitations due to the MCO would never hinder the cascading courses for the teachers. The first exposure course had been conducted on 26 June 2021 as an introduction course to SPM CEFR Aligned, handled by the JPN trainer, Dr. Zuraini bt. Ariffin from SMK Kemumin. About 115 participants benefited from the online course aimed to assist the teachers in skills that they are required to have. This is important to ensure that teachers are fully familiar with international standards in language teaching and learning when they enter the classroom.



A joint initiative between Kelantan Islamic Foundation (YIK) with Kelantan State Education (JPN) leads to the second stage of online cascade training for English teachers on 5 October 2021. The hands-on course had exposed the teachers on the Scoring Methods of Assessment Instruments for SPM CEFR Aligned. As previous, Dr. Zuraini with two other presenter speakers have given their best to guide the teachers on the exposure of Paper 1 (Reading), Paper 2 (Writing), Paper 3 (Speaking) and Paper 4 (Listening) of 2021 SPM Examinations.

Applying the CEFR by right should force all into productive language skills in which both teachers and students will have to start conversing throughout the grades to reach the goal of the stated standards. A prolong and continuous key plan hopefully be implemented in upgrading the competency among the teachers. It is not a sole effort but it takes all to make it possible

تیف کورو چمرلغ

کمودهن یغ تربوک دان یغ مینشکن این سربغ کالی دلوفاکن اولیه کورو. کورو چمرلغ ییاسن تیدق برقواس هاتی دغن اف یغ تله دلاکوکن، سبالیقن مریک اکن سنتیاس ممبوات قنمهبایقن ترهادف قاعده قعاجرن یغ سدیا اد. اولیه ایت کورو هاروسله سنتیاس تربوک اونتوق منریما تکورن اتاو ممبوات محاسبه منیلائی کبرکسنن قعاجرنن. اداکه قاعده قعاجرن یغ دگوانکن برکسن داقت منچاقای متلامت دان ممیلیقی اینوواسی دان کریاتیویتی یغ سسواي. کورو یغ چمرلغ جوک سهاروسن اکور دغن



کوریکولوم یغ تله دتتشکن اولیه قیهق برکواس قنیدیقن. دغن کات لاین، کورو بوکن مفاجر دان منچورهکن سکالا اف یغ دی تاهو، تافی مفاجر دالم سکوف یغ تله دتتشکن، اگر سوکتن یغ دتتشکن داقت دهاییسکن دان اوبجیکتیف قعاجرن یغ دتتوکن داقت ترجاقای. ماناکالا تیف یغ کدوا ایاله برهوبوغ جابرن کورو چمرلغ دالم اوسها مفاجر فلاجر یغ لمه اونتوق منجادی فلاجر یغ چمرلغ. اونتوق ملاکوکن توکس این کورو هاروسله ممیلیقی کسبرن یغ تیغکی. این کران فلاجر یغ لمه سوکر اونتوق منریما فلاجرن اتاو مقمبیل ماس یغ لاما. کورو یغ چمرلغ اکن منونجوقکن کفریهاتینن دان کاسیه سایغ ترهادف قارا فلاجر یغ لمه. اوسها سفرتی این سوکر دلقساناکن کران جابرن مفاجر فلاجر یغ لمه لبیه بسر بربندیغ دغن فلاجر یغ چمرلغ. امام الغزالی تله ممبری فنکنن بهاوا سساورغ کورو هاروسله ممبری تومفوان کغد فلاجر یغ لمه. سکیران دنیلائی قدا اوسها کورو، مفاجر فلاجر یغ لمه اداله لبیه ماهر نیلائی دان گنجرنن، کران اوسها یغ دلاکوکن ایت فستین برلیقت کالی گندا.

دالم مناغنی مسئله فلاجر یغ لمه این، کورو سواجرن مقمبیل تاهو فونچا کلهمن فلاجر ترسبوت، افاکه ای دسبیکن اولیه صیفت مالس، لاتر بلاکغ کلوارک، ککورغن سمولاجادی اتاو لاین ۲ لاکي. دري سيتوله کورو بولیه براختیار اونتوق منجاری جالن قیلساین، سام اد برهوبوغ دغن ایبو باقن، برکوغسی قنداقت دغن راکن سجاوت اتاو ساومقامن.

کسیمقولنن سکیران کورو داقت ملقساناکن تیف ۲ این مک کورو ترسبوت بولیه منجانا کچمرلغن فروفیسین ککوروبانن. افاته لاکي جک اوسها این دلاکوکن دغن نیه کران الله تعالی، مک دهارقکن ایتوله گنجرن قهلا یغ داقت دباوا کاخیره ننتی. - حمدي بن محمد

ترداقت فلپاکای تیف اونتوق منجادی کورو یغ چمرلغ. نامون دالم بیچارا قدا کالی این دریغکسکن کغد دوا تیف یغ اوتام. سکیران دلاکوکن سچارا برسوغکوه-سوغکوه، مک ای منجادی جالن قینتس اونتوق منجادی کورو یغ چمرلغ. تیف یغ قرنام ایاله کورو هاروسله مغواسایی مات فلاجرن یغ داجر دان قاعده قعاجرن. اونتوق مغواسایی مات فلاجرن یغ داجر مک کورو هاروسله مندالمی مات فلاجرن ترسبوت دري سکنف اسفیک. سلااین ایت کورو جوک هاروسله مناره مینت یغ مندالم ترهادف مات فلاجرن ترسبوت. جابرن یغ بسر اونتوق ملاهیرکن کورو یغ چمرلغ دسکوله یایاسن اسلام کلتنن ایاله کورو ۲ ترقفسا مفاجر باق مات فلاجرن دالم سسواتو فغکل قعاجین. دتمبه قول باقن بینن توکس تمبهن یغ ترقفسا دتغکوغ اولیه کورو سلااین درقد مفاجر. جابرن این داغکف مپوکرکن کورو اونتوق منجادی ماهر دالم مات فلاجرن ترنتو. باکی مغاتسی مسئله این، کورو ترسبوت هاروسله مقوربنکن ماس دان ملیشتکنداکن اوسها اونتوق مغواسایی سموا مات فلاجرن ترلیبت، تنشا مغابایکن توکس تمبهن یغ دأمانهکن. سلااین مغواسایی مات فلاجرن یغ داجر، کورو هاروسله ممفلاجری فلپاکای قاعده قعاجرن باکی مات فلاجرن ترسبوت. قاعده ۲ یغ تربایق بولیه دقیلیه دان دداتی درقد کورو یغ برقغالمن اتاو کورو فاکر دالم مات فلاجرن ترسبوت. دالم کادادن دنیا قدا ماس این، قغالمن ترسبوت بوکن سهاج بولیه دداتی ملالوئی کورسوس ۲ اتاو فرتموان سچارا لغسوغ، بهکن جوک بولیه دروجوع دغن موده درقد اینترنیت سفرتی دالم "Facebook"، "Youtube" دان سباکاین.



احتفال رياضي للمدارس التابعة للمؤسسة الإسلامية بكلنتان

وقد تمّ التخطيط في هذا الاحتفال لعدد من الأنشطة التي تعزّز الروح الرياضية فضلاً عن اللياقة العقلية عند الطلبة، فنقّدت فيه أنشطة متعددة داخل مباني المدرسة، ومن تلك الأنشطة، مسابقات الخطابات باللغات التي يدرسونها كاللغة الملايوية والعربية والإنجليزية، كما أقيمت مناظرة باللغة الملايوية على شكل برلمان ومسابقة كتابة الخط العربي وتلاوة القرآن وحفظه واختبار الذكاء باللغة العربية وقراءة لبعض كتب التراث الدينية وكتابة المقال العربي. وقد اشترك في هذه المسابقات طلاب وطالبات من كل الصفوف الإعدادي والثانوي.

وقد كانت المشاركة في المسابقات عن طريق تسجيل للفيديوهات وفق إجراءات التشغيل القياسية (SOP) وفي توفير الأماكن المناسبة والمعدات ومتطلبات المنافسة ذات الصلة.

وتم إرسال تسجيلات الفيديوهات الخاصة بالمسابقة إلى الهيئة القضائية لتقييمها وتحديد الفائز بالمسابقة.

" تهدف المدارس التابعة للمؤسسة الإسلامية بكلنتان من خلال المشاركة في الاحتفال إلى دعم الدور الذي يمكن أن تلعبه الرياضة في حياة الطالب، وتعزيز الرفاهية البدنية والعقلية، وفي الوقت نفسه تعزيز الروابط من خلال روح التنافس".
بقلم: حمدان محمود

احتفال رياضي للمدارس التابعة للمؤسسة الإسلامية بكلنتان أقيم الاحتفال الرياضي السنوي للمدارس الثانوية الدينية الماليزية (MIISMAM) خلال هذا الوباء في جو مختلف عما كان عليه في السنوات السابقة. إذ كان في السنوات الماضية قد تم تنظيم العديد من الأنشطة والفعاليات الرياضية والفنية والعلمية المختلفة بما في ذلك الميدانية والحضورية. أما في هذا العام فقد اقتصر على بعض الأنشطة الرياضية العلمية والفنية وإجرائها عبر الإنترنت (عن بعد).



Guru Bahagia

BERJIWA PENDIDIK

Oleh : Nik Abdul Rahman Yaakob

Dalam kehidupan ini semua orang ingin hidup bahagia. Ada yang beranggapan bahawa kebahagiaan itu datang daripada kekayaan, pangkat, keturunan atau bilangan anak yang ramai. Namun itu semua bukanlah syarat untuk menjadi bahagia. Ini kerana, berapa ramai orang yang kaya raya dan berapa ramai orang yang hidup dalam pangkat besar tetapi tidak mencapai kebahagiaan. Kebahagiaan hidup bagi seorang muslim terletak pada keimanan yang terpasak kejam dalam hati sanubarinya. Kebahagiaan itu adalah berasaskan nilai-nilai keimanan, kesabaran, kesyukuran, reda, tawakal, qanaah, berbaik sangka dan bersikap positif.

Seorang guru itu sebenarnya adalah orang yang bahagia jika dia memiliki jiwa pendidik. Guru adalah orang yang mengajar seseorang untuk menjadi insan mulia melalui ilmu yang diturunkan. Ilmu pula bersifat mengalir dan tidak statik. Kemuliaan ilmu itu ialah sekiranya diajar maka ia akan bertambah dan berjaya. Seperti kata penyajak terkenal Usman Awang yang mengatakan jika hari ini seorang raja menaiki takhta jika hari ini seorang peguam menang bicara sejarahnya bermula daripada seorang guru.

Pada masa yang sama guru juga mempunyai sifat sabar yang tinggi. Guru sabar melayan kerenah pelajarannya demi melihat kejayaan pelajar tersebut. Kesabaran itu dilihat daripada kesungguhan guru melaksanakan tugas seharian tanpa mengira penat dan lelah. Usaha ini dilakukan demi mendapat ganjaran yang tinggi di sisi Allah SWT. Hasil daripada usaha ini juga menjadikan guru tersebut ceria dalam melaksanakan tugas dan pada masa yang sama para pelajarannya juga turut ceria dan seronok untuk meneruskan pembelajaran.

Selain itu juga nilai yang sangat besar membantu kebahagiaan seorang guru ialah keikhlasan. Keikhlasan bermakna melakukan sesuatu tanpa mengharapkan ganjaran hanya mengharapkan ganjaran daripada Allah SWT. Walaupun keikhlasan itu sesuatu yang sukar untuk diukur dan sukar dibuat namun ia tetap hidup dalam jiwa seorang guru yang memiliki Iman dan keyakinan yang kukuh kepada Allah SWT.

Berasaskan kepada keikhlasan yang menjiwai diri guru tersebut, maka guru sewajarnya mendapat dua ganjaran. Ganjaran yang pertama ialah pahala hasil daripada niat suci Murni kerana Allah SWT. Ganjaran yang kedua ialah mendapat gaji daripada Allah SWT melalui tangan manusia yang memberi. Kedua-dua ganjaran inilah yang menjadikan kehidupan guru bahagia di dunia dan di akhirat. Sebenarnya adalah amat malang sekiranya guru mengajar selama bertahun-tahun lamanya tetapi hanya mendapat satu sahaja ganjaran iaitu gaji yang masuk pada setiap bulan. Sedangkan pahala yang diperolehi lebih besar lagi nilainya terutamanya untuk dibawa bekal ke akhirat nanti.

Bagi menjamin kebahagiaan ini berterusan dalam diri seorang guru maka guru haruslah sentiasa berusaha untuk menambah ilmu pengetahuan. Untuk mengajar ilmu pengetahuan maka guru haruslah terlebih dahulu



memiliki ilmu pengetahuan agar proses pengajaran itu tidak menjadi kosong nilainya. Dalam dunia serba terbuka pada hari ini maka guru haruslah mengambil peluang untuk menggunakan kemudahan teknologi maklumat bagi menimba ilmu pengetahuan tanpa terikat dengan masa dan tempat. Contohnya di dalam YouTube banyak ilmu-ilmu yang boleh diambil dan dimanfaatkan, namun haruslah mengabaikan dan menolak nilai-nilai yang tidak baik di dalam saluran tersebut.

Guru juga haruslah sentiasa melakukan muhasabah bagi memperbaiki keupayaannya mendidik para pelajar. Muhasabah ini dilakukan berasaskan kepada kenyataan bahawa manusia tiada yang sempurna. Manusia juga sering kali melakukan kesilapan. Dan manusia juga tidak boleh berada di dalam zon selesa kerana ia boleh menyebabkan lalai dan terjerat. Muhasabah juga memberi peluang kepada guru untuk melakukan perubahan ke arah peningkatan kemahiran yang lebih baik.

Manakala elemen ketiga yang sangat penting bagi seorang guru ialah akhlak mulia. Elemen ini dikira sangat penting kerana guru sentiasa menjadi perhatian dan teladan bagi para pelajar. Sekiranya guru berakhlak mulia maka pelajar akan menghormati dan menyayangnya. Justeru, tugasnya untuk mengajar menjadi lebih mudah dan selesa. Untuk membina akhlak yang mulia seorang guru terlebih dahulu harus membuang sifat-sifat mazmumah yang ada di dalam dirinya. Sifat-sifat yang negatif seperti dengki, buruk sangka, sombong, mudah marah, tidak adil dan sebagainya haruslah dibuang terlebih dahulu. Setelah sifat-sifat tersebut dibuang maka barulah dimasukkan sifat-sifat mahmudah seperti baik hati, sabar, penyayang, syukur, reda dan sebagainya. Dalam hal ini ulama' sufi memberi perumpamaan untuk kita memelihara ayam di dalam reban ayam, maka terlebih dahulu reban ayam itu dibuang segala makhluk yang merosakkan seperti musang atau biawak barulah ayam itu dapat dipelihara dengan baik. Begitu juga sekiranya ingin minum air bersih maka gelas tersebut haruslah dicuci daripada kekotoran barulah dituang dengan air bersih.

Sesungguhnya akhlak mulia itu dapat mewangikan hidup dan kerja guru, tambahan pula semua orang suka dengan bau wanginya.

Secara keseluruhan boleh dikatakan bahawa kebahagiaan guru itu bergantung kepada kemuliaan beliau melaksanakan tugas sebagai seorang murabbi yang berjiwa pendidik. Kebahagiaan ini bukan terhenti di atas dunia sebaliknya akan bersambung hingga ke akhirat kerana guru tersebut melaksanakan tugas kerana Allah SWT. Semakin kuat guru yang ikhlas ini diuji dalam usahanya mengajar para pelajar maka semakin tinggi ganjaran pahala yang diperolehi di sisi Allah SWT. Sesungguhnya kehidupan guru yang bahagia ini, hanya mengharapkan rahmat dan reda Allah buat bekal di akhirat nanti.



Kejohanan Badminton Piala YM Pengarah

TEAM YIK MUNCUL JUARA

Kota Bharu : 02 Dis - Team A Yayasan Islam Kelantan muncul juara dalam Kejohanan Badminton Piala Pengarah YIK yang berlangsung pada 2 Disember 2021 di Dewan Persatuan Badminton Kelantan Telipot. Kejohanan ini melibatkan penyertaan dari semua sekolah YIK mengikut zon masing-masing melibatkan hampir 200 orang peserta.

Team A yang diketuai oleh YM Pengarah YIK menghadapi cabaran getir dari 14 pasukan mengikut kategori dan berjaya mengatasi halangan untuk meraih johan keseluruhan. Naib johan dimenangi oleh pasukan Machang manakala tempat ketiga dan keempat jatuh kepada pasukan Tumpat dan pasukan Rantau Panjang. Kejohanan kali ini menawarkan hadiah lebih istimewa berbanding dengan kejohanan yang diadakan sebelum ini, di mana johan akan membawa pulang sebuah piala pusingan dan wang tunai RM1,500.00, manakala naib johan menerima hadiah wang tunai RM1,000.00, tempat ketiga dan keempat pula masing-masing menerima wang tunai RM500.00. Pihak urus setia juga menyediakan sagu hati RM100.00 untuk setiap pasukan.

Program riadah peringkat YIK ini yang bermula dari jam 8.30 pagi merupakan sebahagian dari aktiviti untuk merapatkan hubungan ukhuwah dan meningkatkan semangat kesukanan dalam kalangan pentadbir dan guru-guru, selain itu ia juga merupakan salah satu wasilah untuk mengekalkan kesihatan diri secara berkumpulan.

Terdahulu, YM Pengarah YIK dalam ucapan perasmianya menaruh harapan yang tinggi agar program seumpama ini dapat diteruskan lagi pada masa hadapan dan menjadi platform untuk generasi muda dan generasi veteran saling kenal mengenali antara satu sama lain, selain itu beliau mengingatkan semua peserta dapat mematuhi arahan Kementerian Kesihatan Malaysia dengan SOP yang telah ditetapkan dan tidak terlalu leka dengan sedikit kelonggaran yang telah diberikan.

Sementara itu, pihak urus setia yang diwakili oleh Penolong Pengarah Kokurikulum, Tn. Hj. Azman b. Hussin berpuas hati dengan perjalanan kejohanan kali ini dan tahap pematuan SOP yang baik dalam kalangan peserta. Beliau juga mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pasukan YIK yang bekerja keras untuk memastikan piala pusingan kejohanan kembali semula ke pangkuan Yayasan Islam Kelantan.



Kunjungan YM Pengarah YIK kepada Kaunselor Islam Kedutaan Arab Saudi di Kuala Lumpur

Kuala Lumpur : 1 Dis - Pengarah Yayasan Islam Kelantan, YM Hj. Engku Rajhan b. Engku Ismail mengadakan kunjung hormat kepada Kaunselor Islam Kedutaan Arab Saudi, Syeikh Abdul Rahman Al-Rubay'an pada 1 Disember 2021. Kunjungan ini adalah bertujuan untuk merapatkan hubungan kerjasama pembangunan pendidikan antara YIK dan Kaunselor Islam. Hubungan yang sedia terjalin ini perlu diperkukuhkan dengan bertukar-tukar bidang kemahiran bagi memperkasakan mutu penguasaan pendidikan Islam dan bahasa Arab. Sebelum berlakunya penularan wabak COVID-19, menjadi kelaziman Kaunselor Islam mengadakan kursus peningkatan bahasa Arab kepada guru-guru, selain daripada turut membekalkan mushaf al-Quran dan bahan-bahan bacaan kepada pelajar-pelajar Yayasan Islam Kelantan, malah pernah membekalkan 37,000 naskhah al-Quran untuk diagihkan kepada semua sekolah Yayasan Islam Kelantan.

YM Pengarah Yayasan Islam Kelantan merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak kaunselor khususnya Syeikh Abdul Rahman Al-Rubay'an yang menerima kunjungan dengan penuh mesra dan menyumbang cenderahati untuk program Graduasi Tahfiz tahun 2020. Hadir sama dalam kunjungan berkenaan Timbalan Pengarah Akademik, Tn. Hj. Mohd Zaki b. Deraman dan Timbalan Pengarah Kenaziran, Tn. Hj. Sukeri b. Hussin.



Cenderahati: YM Pengarah menyampaikan tanda mata kenangan kepada Syeikh Abdul Rahman Al-Rubay'an

